

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA  
[SUNGAI BULOH]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status cadangan untuk penambahbaikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) seperti yang dijawab di Dewan Rakyat pada 5 November 2020 khususnya cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) dan mewujudkan proses pelantikan Ketua Pesuruhjaya lebih telus dan jadikan jawatan itu lebih kukuh dan bebas seperti kedudukan Hakim Mahkamah Persekutuan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sekarang meneruskan apa yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKKMAR) berhubung pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR).

Walau bagaimanapun, mesyuarat telah menetapkan agar kedua-dua cadangan ini diperincikan lagi sebelum ianya dikemukakan dalam Memorandum Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan untuk diangkat ke Parlimen. Sekian, terima kasih.